

2022

# GARISPANDUAN PEROLEHAN KERAJAAN

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## GARISPANDUAN PEROLEHAN KERAJAAN

### ISI KANDUNGAN

	Muka surat
1 Pendahuluan	2
2 Jenis-Jenis Perolehan	2-5
3 Tatacara Penyediaan Dokumen Pelawaan Tawaran Dan Sebut Harga	6-8
4 Tatacara Pelawaan Tawaran	8-10
5 Yuran Tawaran ( <i>Tender Fee</i> )	10-11
6 Tatacara Membuka Dokumen Tawaran Dan Sebut Harga	11-12
7 Tatacara Penilaian Tawaran	12-14
8 Tatacara Menghadapkan Sokongan Tawaran	14-15
9 Pembatalan dan Menawarkan Semula Tawaran	15
10 Penegahan Syarikat-Syarikat dari ikut serta dalam Tawaran dan Sebut Harga Kerajaan	15-17
11 Wang Jaminan Prestasi ( <i>Performance Bond</i> )	17-18
12 Pesanan Perubahan ( <i>Variation Order</i> )	18-20

Disediakan oleh  
Lembaga Tawaran Negara  
2022

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Tujuan Garispanduan ini adalah untuk menerangkan tatacara dan proses perlaksanaan Perolehan dan Tawaran Kerajaan sebagaimana yang diperuntukan di dalam Bahagian 4 Peraturan-Peraturan Kewangan 2022.
- 1.2 Maksud Perolehan Kerajaan adalah pembelian, pajakan dan penyewaan barang-barang, dan langganan kerja-kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.
- 1.3 Setiap perolehan Kerajaan hendaklah dibuat dengan penuh tanggungjawab, telus, akauntabiliti, keterbukaan, persaingan terbuka, adil dan saksama, dan mematuhi Peraturan Kewangan 2022 serta mana-mana garispanduan atau prosedur perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dari masa kesemasa.
- 1.4 *Value for money* bermaksud perolehan yang ekonomikal, tiada pembaziran, dan mengikut keperluan.

## 2. JENIS-JENIS PEROLEHAN

- 2.1 Jenis-jenis Perolehan dibahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu:
  - 2.1.1 Perolehan Nilai Kecil (*Small Value Purchase*);
  - 2.1.2 Sebut harga (*Quotation*); dan
  - 2.1.3 Tawaran (*Tender*)
- 2.2 Perolehan Nilai Kecil (*small value purchase*)
  - 2.2.1 Perolehan Nilai Kecil adalah perolehan yang bernilai tidak melebihi **BND2,000.00**, dan adalah dibawah bidangkuasa Pegawai Pengawal kecuali perolehan kenderaan yang mana adalah tertakluk kepada perenggan 2.5 di bawah ini.
  - 2.2.2 Barang, kerja-kerja dan perkhidmatan boleh dibeli, dilanggan atau didapatkan terus oleh Kementerian atau Jabatan dari pembekal.
  - 2.2.4 Cadangan perolehan dan peruntukan yang akan digunakan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diberi kuasa olehnya. Peruntukan yang akan digunakan hendaklah dipastikan mencukupi sebelum kebenaran diberikan.

## 2.2 Sebut Harga (*Quotation*)

- 2.3.1 Sebut harga adalah bagi perolehan yang bernilai lebih dari **BND2,000.00 hingga BND50,000.00** dan sekurang-kurangnya hendaklah mendapatkan sebut harga tidak kurang dari 3 pembekal yang bersesuaian. Perolehan ini adalah dibawah bidangkuasa pegawai pengawal melalui jawatankuasa sebut harga kecuali perolehan kenderaan yang mana adalah tertakluk kepada perenggan 2.5 di bawah ini.
- 2.3.2 Cadangan perolehan dan peruntukan yang akan digunakan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pegawai Pengawal. Peruntukan yang akan digunakan hendaklah dipastikan betul dan mencukupi sebelum kebenaran diberikan.
- 2.3.3 Kementerian dan Jabatan boleh mengeluarkan iklan tawaran di akhbar Pelita Brunei atau media cetak yang lain seperti Borneo Bulletin, dan laman web dan *notice board* Kementerian atau Jabatan bagi meningkatkan ketelusan dan penyertaan sebut harga.
- 2.3.4 Pengecualian daripada 3 sebut harga hendaklah mendapat kebenaran Jawatankuasa Sebut Harga atas sebab-sebab berikut;
  - 2.3.4.1 Kerja-kerja atau pembekalan diperlukan dengan segera atau berkaitan dengan keselamatan negara, kesejahteraan rakyat atau bagi menjaga kerahsiaan negara;
  - 2.3.4.2 Kerja-kerja atau pembekalan hanya dapat dilaksanakan oleh satu syarikat dan tidak ada barang-barang atau perkhidmatan yang dapat diganti atau alternatif (*substitute and alternative goods/services*) seperti lukisan (*work of art*), *Intellectual Property Rights, software licence renewal, copyrights*; atau
  - 2.3.4.3 Untuk pembekalan dari pembekal asal (*authorised agent atau Original Equipment Manufacturer (OEM)*) yang mana pembelian berkenaan akan melibatkan kos yang tinggi jika dibuat dari pembekal-pembekal lain.
- 2.3.5 Setiap Kementerian dan Jabatan hendaklah mempunyai peti sebut harga yang disimpan dengan selamat dan terkawal. Anak kunci sebut harga hendaklah disimpan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga.
- 2.3.6 Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik. Walaubagaimanapun, jika Pengerusi tidak dapat menghadiri Mesyuarat pada masa sebut harga dibuka, Pengerusi bolehlah mengaturkan supaya anak kunci tersebut diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa Sebut Harga yang terkanan sekali dan yang akan mempengerusikan Mesyuarat.

- 2.3.7 Peraturan-Peraturan Tawaran yang berkaitan dengan Penyediaan Dokumen Pelawaan Tawaran, Tatacara Pelawaan Tawaran, Tatacara Membuka Dokumen Tawaran, Tatacara Penilaian Tawaran, Pembatalan dan Menawarkan Semula Tawaran, dan Penegahan Syarikat-Syarikat Dari Ikut Serta Tawaran adalah diguna pakai bagi Sebut Harga.
- 2.3.8 Jawatankuasa Sebut Harga akan meneliti cadangan dari penender-penender dan sokongan berkenaan hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Pengawal untuk ketetapan.

#### 2.4 Tawaran (*Tender*)

- 2.4.1 Tawaran adalah bagi perolehan yang bernilai **BND50,000.00 dan Ke atas;**
- 2.4.2 Cadangan perolehan dan peruntukan yang akan digunakan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pegawai Pengawal. Peruntukan yang akan digunakan hendaklah betul dan mencukupi sebelum kebenaran diberikan.
- 2.4.3 Tawaran hendaklah dibukakan **secara terbuka** (*open tender*).
- 2.4.4 Pengecualian daripada proses tawaran biasa boleh dibuat samaada melalui Tawaran Pilihan atau Pembelian Terus atas sebab-sebab berikut hendaklah mendapatkan kebenaran dari Yang Berhormat Menteri di Kementerian masing-masing bagi Lembaga Tawaran Kecil (LTK) atau Lembaga Tawaran Negara (LTN) mengikut anggaran nilai tawaran

##### 2.4.4.1 Tawaran pilihan (*selective tendering*):

- i. Tawaran tidak dapat dilaksanakan secara tawaran terbuka, memandangkan kerja-kerja atau pembekalan berkenaan diperlukan dengan segera atau berkaitan dengan keselamatan negara, kesejahteraan rakyat atau bagi menjaga kerahsiaan negara;
- ii. Hanya beberapa syarikat sahaja yang boleh melaksanakan kerja-kerja atau perlantikan sebagai agen pengedar oleh pembekal; atau
- iii. Tawaran berkenaan telahpun dibuat secara tawaran terbuka tetapi tidak ada tawaran yang diterima.

##### 2.4.4.2 Pembelian Terus (*direct award*):

- i. Tawaran tidak dapat dilaksanakan secara tawaran terbuka atau tawaran pilihan, memandangkan kerja-kerja atau pembekalan

- berkenaan diperlukan dengan segera atau berkaitan dengan keselamatan negara, kesejahteraan rakyat atau bagi menjaga kerahsiaan negara;
- ii. Tawaran berkenaan hanya dapat dilaksanakan oleh satu syarikat dan tidak ada barang-barang atau perkhidmatan yang dapat diganti atau alternatif (*substitute and alternative goods or services*) seperti lukisan (*work of art*), *Intellectual Property Rights*, *software licence renewal*, *copyrights*; atau
  - iii. Untuk pembekalan dari pembekal asal (*authorised agent*) yang mana pembelian berkenaan akan melibatkan kos yang tinggi jika dibuat secara tawaran terbuka atau pilihan.
- 2.4.5 Kuasa kebenaran Perolehan melalui Tawaran adalah seperti berikut (tidak termasuk perolehan kenderaan):
- 2.4.5.1 Bagi tawaran yang bernilai di atas \$50,000.00 sehingga \$250,000.00, sokongan Lembaga Tawaran Kecil hendaklah di hadapkan kepada Menteri di Kementerian yang berkenaan untuk ketetapan kecuali perolehan kenderaan yang mana adalah tertakluk kepada perenggan 2.5 di bawah ini.
  - 2.4.5.2 Bagi tawaran yang bernilai di atas \$250,000.00, sokongan Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Negara.
- 2.4.6 Setiap Kementerian hendaklah mempunyai peti tawaran yang disimpan dengan selamat dan terkawal. Anak kunci peti tawaran hendaklah disimpan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara/ Lembaga Tawaran Kecil. Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri sesuatu Mesyuarat maka hendaklah mengaturkan supaya anak kunci tersebut diserahkan kepada Ahli yang akan mempengerusiakan Mesyuarat.

2.5 Perolehan Kenderaan:

- 2.5.1 Bagi perolehan kenderaan samaada untuk pembelian atau penyewaan, sokongan Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Negara.
- 2.5.2 Bagi memastikan ketersediaan kenderaan yang diperlukan secara berkala, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan adalah disarankan untuk membuat kontrak penyewaan kenderaan.

### **3. TATACARA PENYEDIAAN DOKUMEN PELAWAAN TAWARAN DAN SEBUT HARGA**

- 3.1 Dokumen Pelawaan Tawaran atau Sebut Harga hendaklah menyatakan dengan jelas butir-butir lengkap bagi perkara-perkara berikut:
- 3.1.1 Skop, spesifikasi, *bill of quantity* dan syarat-syarat perbekalan atau perkhidmatan yang diperlukan;
  - 3.1.2 Menyatakan istilah, simbol, pembungkusan, penandaan atau keperluan pelabelan yang akan digunakan.
  - 3.1.3 Jenis-jenis dokumen dan maklumat yang perlu dihadapkan, dimana syarikat-syarikat yang ikut serta dikehendaki untuk menandakan dalam *checklist* sebagai pengesahan dokumen sudah disertakan dengan lengkap dan teratur. Jika dokumen tidak lengkap, tawaran dianggap tidak sah. Antara dokumen dan maklumat yang diperlukan termasuklah:
    - 3.1.3.1 Sijil atau lesen yang sah bagi perolehan-perolehan yang memerlukan kontraktor/syarikat untuk mendapat lesen atau sijil dengan agensi-agensi Kerajaan seperti contoh di bawah ini:
    - 3.1.3.2 Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang dikeluarkan oleh ABCI, Kementerian Pembangunan;
    - 3.1.3.3 Pengesahan Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi perkakas elektrik yang berkenaan dan pekerja-pekerja yang akan melaksanakan kerja-kerja elektrik;
    - 3.1.3.4 Sijil Brunei Darussalam Medicines Control Authority (BDMCA) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan;
    - 3.1.3.5 Senarai nama, jawatan dan gaji; jumlah; dan bilangan (%) pekerja tempatan dan pekerja asing.
    - 3.1.3.6 *Material* yang akan digunakan dengan menyatakan senarai barang, peratus (%) dan harga (\$) barang tempatan digunakan serta peratus (%) dan harga (\$) barang impot yang akan digunakan.
    - 3.1.3.7 Sijil Pematuhan Akta Cukai daripada Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti di **LAMPIRAN 1**.
    - 3.1.3.8 Sijil Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan yang dikeluarkan melalui Corporate Registry System di dalam One Common Portal;

- 3.1.3.9 Pengesahanan pematuhan Akta Amanah Pekerja dan Perintah Pencen Caruman Tambahan 2009 dari Tabung Amanah Pekerja dengan menyatakan nombor Akaun Majikan dan senarai pekerja yang dicarumkan.
- 3.1.3.10 Pengesahan *Integrity Pact* seperti di **LAMPIRAN 2** yang mengandungi pengakuan:
- i. Tidak akan menerima, menawarkan atau memberi rasuah untuk dipilih dalam tawaran/sebut harga [Bab 5(a), 5(b), 6(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131];
  - ii. Tidak akan menawarkan kepada atau meminta rasuah daripada penender lain bagi penarikan tawaran [Bab 9(a) dan bab 9(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131];
  - iii. Tidak akan memberikan maklumat atau menghadapkan tuntutan palsu [Bab 182 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan Bab 6(c) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131];
  - iv. Tidak akan memberikan hadiah kepada pegawai awam dalam apa jua bentuk [Bab 109 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22];
  - v. Mengambil maklum akan tindakan yang diambil oleh Kerajaan jika menyalahi Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131]; dan
  - vi. Memahami bahawa berpaktat sulit dengan pembekal-pembekal lain dalam menghadapkan tawaran adalah menjadi kesalahan di bawah Perintah Persaingan, 2015.
- 3.1.4 Arahan kepada penender-penender untuk mempastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan harga tawaran di dalam *Form of Tender* adalah selaras dengan harga yang dinyatakan di dalam dokumen-dokumen tender serta jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.
- 3.1.5 Makluman kepada penender mengenai dengan denda yang boleh dikenakan kepada penender iaitu dasar penegahan dari menyertai tawaran Kerajaan dan denda-denda lain jika ada.
- 3.1.6 Makluman bahawa jika syarikat yang berjaya untuk mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka syarikat berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan. Persetujuan ini hendaklah dimasukkan ke dalam Kontrak Perkhidmatan atau Perbekalan.

3.1.7 Makluman kepada penender-penender bahawa harga tawaran hendaklah termasuk Cukai Kastam dan *withholding tax*:

3.1.7.1 Segala pengimutan barang-barang yang bercukai oleh pihak persendirian yang mana kemudiannya barang-barang berkenaan dijual atau digunakan bagi perlaksanaan kerja-kerja kontrak dengan Kerajaan hendaklah dibayar cukai kastam. Cukai Kastam yang telah dibayar tidak boleh dituntut balik (*non-refundable*); dan

3.1.7.2 Bagaimanapun, barang-barang untuk kegunaan Kerajaan yang dipesan terus dari seberang laut oleh Jabatan-Jabatan berkenaan serta diselesaikan sendiri oleh Jabatan itu menerusi Kastam, bolehlah dibebaskan dari pembayaran cukai. Jabatan-Jabatan Kerajaan tidak dibenarkan untuk memberi sebarang surat pengakuan kepada pengimput persendirian bagi membolehkannya mengelak pembayaran cukai.

3.2 Dokumen-dokumen pelawaan tawaran hendaklah:

3.2.1 Tidak menyatakan nama-nama perdagangan, tanda-tanda perniagaan, jenama, *patent* hak cipta, *country of origin*, dan pengeluar atau pembekal. Jika tidak ada cara yang cukup tepat untuk menerangkan spesifikasi yang diperlukan pada mana nama-nama perdagangan, tanda-tanda perniagaan, jenama, *patent* hak cipta, *country of origin*, dan pengeluar atau pembekal perlu dinyatakan, maka hendaklah menggunakan ayat 'yang setaraf atau sebanding (*equivalent*)'.

3.2.2 Tidak menghalang persaingan dan meletakkan syarat yang berpotensi untuk menghadkan penyertaan syarikat-syarikat.

3.3 Dokumen tawaran hendaklah mendapat kebenaran Pegawai Pengawal sebelum ianya dibukakan.

#### 4 TATACARA PELAWAAN TAWARAN

4.1 Pelawaan tawaran hendaklah dibuat secara pengiklanan atau secara jemputan. Pelawaan tawaran hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang berikut:

4.1.1 Tajuk, rujukan dan syarat-syarat pembekalan, perkhidmatan atau kerja yang akan dilaksanakan.

4.1.2 Jumlah wang taruhan yang dikehendaki dan tatacara pembayarannya.

4.1.3 Jumlah yuran tawaran dan syarat yuran yang dikembalikan.

- 4.1.4 Tempoh penyiapan / penghantaran / kontrak / perkhidmatan.
- 4.1.5 Kelas Perniagaan yang diperlukan (jika perlu dan tertakluk kepada jenis projek yang akan dikendalikan).
- 4.1.6 Tempat/alamat mengambil borang/dokumen tawaran.
- 4.1.7 Tarikh/Jam tutup mengambil dokumen tawaran.
- 4.1.8 Kriteria kelayakan penender bagi tawaran yang memerlukan penender yang berkelayakan.
- 4.1.9 Cara-cara menghadapkan dokumen tawaran.
- 4.1.10 Tatacara untuk penender menghadapkan tawaran:
  - 4.1.10.1 Menghadapkan tawaran dengan menggunakan sampul surat biasa yang dimeterai dan ditutup rapi berserta dengan salinan resit yuran tawaran (*tender fee*);
  - 4.1.10.2 Menyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran di bahagian atas sebelah kiri sampul surat;
  - 4.1.10.3 Jika tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di bangunan pejabat-pejabat Kerajaan; dan
  - 4.1.10.4 Penender boleh diminta untuk menghantar tawaran melalui emel dan hendaklah dimaklumkan awal kepada penender iaitu semasa tawaran diiklankan. Kementerian dan Jabatan hendaklah memastikan emel yang digunakan mampu untuk menjaga kerahsiaan maklumat tawaran yang diterima. *Password* dokumen tawaran hendaklah diemel kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil atau Lembaga Tawaran Negara tertakluk kepada dimana tawaran berkenaan ditutup. *Password* hanya dimaklumkan kepada Setiausaha Lembaga Tawaran semasa pembukaan tawaran di dalam Mesyuarat Lembaga Tawaran yang berkenaan.
- 4.1.11 Tarikh dan jam tutup menghadapkan tawaran:
  - 4.1.11.1 Tarikh tutup untuk menghadapkan tawaran hendaklah tertakluk kepada jenis dan kerumitan perolehan dan hendaklah tidak kurang daripada **2 minggu** dari tarikh iklan dikeluarkan.
  - 4.1.11.2 Tawaran hanya akan ditutup **jam 2.00 petang** semasa Lembaga Tawaran Negara / Lembaga Tawaran Kecil mengadakan mesyuarat.

- 4.1.11.3 Semasa bulan Ramadhan tawaran boleh ditutup **pada jam 12.00 tengahari**.
- 4.1.11.4 Manakala bagi Sebut harga, jam tutup penerimaan dokumen adalah tertakluk kepada Ketua-Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal tetapi hendaklah semasa Jawatankuasa Sebut Harga bermesyuarat bagi membolehkan ianya dibuka dan disenaraikan sebaik sahaja Sebut harga ditutup.
- 4.1.11.5 Penerimaan Tawaran dan Sebut Harga tidak boleh ditutup pada hari cuti awam.
- 4.2 Bagi tawaran secara terbuka, iklan bolehlah dikeluarkan di akhbar Pelita Brunei atau media cetak yang lain sekurang-kurangnya **2 kali**, dan laman web dan papan kenyataan Kementerian/Jabatan.
- 4.3 Setiausaha Lembaga Tawaran dan Jawatankuasa Sebut Harga boleh menerima dokumen tawaran sekiranya saiz peti tawaran tidak mencukupi. Dokumen tawaran yang diterima hendaklah di ‘chop’ Tarikh Terima dan disimpan di tempat yang selamat dan hanya akan dibuka semasa mesyuarat membuka tawaran bersidang.
- 4.4 Kementerian/Jabatan hendaklah memaklumkan urusetia-urusetia Lembaga Tawaran Kecil atau Lembaga Tawaran Negara mengenai dengan tarikh tutup menghadapkan tawaran dengan memberikan salinan pelawaan tawaran yang berkenaan.

## 5 YURAN TAWARAN (*TENDER FEE*)

- 5.1 Yuran tawaran merupakan kadar yang perlu dibayar oleh syarikat kepada Kerajaan untuk mendapatkan dokumen tawaran. Ianya dikenakan tidak bermaksud untuk membebankan pihak penender, namun adalah bagi:
- 5.1.1 Menampung perbelanjaan kos penyediaan dokumen tawaran;
- 5.1.2 Meningkatkan rasa tanggungjawab dikalangan penender supaya sentiasa berhati-hati dalam menghadapkan tawaran dengan memberikan harga yang berpatutan dan mengelakkan daripada menghadapkan harga yang spekulatif; dan
- 5.1.3 Memastikan bahawa penyertaan tawaran hanyalah daripada penender *bona fide* sahaja.
- 5.2 Kadar-kadar Yuran Tawaran yang dikenakan bagi setiap penender adalah mengikut anggaran harga projek seperti di **LAMPIRAN 3** yang akan dikemaskini dari masa kesemasa. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).

- 5.3 Yuran tawaran dikembalikan jika:
- 5.3.1 Tawaran dibatalkan oleh Kementerian/Jabatan.
  - 5.3.2 Penender mengembalikan dokumen tawaran yang belum diisi sebelum tarikh tutup tawaran.
- 5.4 Yuran tawaran tidak dikembalikan jika:
- 5.4.1 Penender tidak menghantar tawaran;
  - 5.4.2 Penender tidak memenuhi spesifikasi;
  - 5.4.3 Tawaran didapati tidak sah seperti terdapat perubahan-perubahan di dalam dokumen tawaran yang tidak ditandatangani atau di initial, dokumen tawaran tidak lengkap diisikan, lampiran-lampiran yang disertakan tidak lengkap, dan terdapat pemalsuan maklumat; atau
  - 5.4.4 Tawaran menepati spesifikasi tetapi tidak terpilih.
- 5.5 Bagi sebut harga, Kementerian/Jabatan boleh mengenakan yuran yang difikirkan bersesuaian pada kadar di bawah \$10.00.

## 6 TATACARA MEMBUKA DOKUMEN TAWARAN DAN SEBUT HARGA

- 6.1 Dokumen Tawaran dan Sebut harga hanya akan dibuka semasa mesyuarat Lembaga Tawaran Negara / Lembaga Tawaran Kecil / Jawatankuasa Sebut harga bersidang iaitu bersamaan dengan tarikh dan jam penerimaan tawaran dan sebut harga ditutup.
- 6.2 Setiap dokumen Tawaran dan Sebut harga yang telah dibuka hendaklah diberikan nombor bersiri dan tarikh serta ditandatangani oleh Pengurus atau salah seorang daripada ahli-ahli Lembaga Tawaran Negara / Lembaga Tawaran Kecil / Jawatankuasa Sebut Harga.
- 6.3 Setelah membuka tawaran, Urusetia Lembaga Tawaran Negara / Jawatankuasa Lembaga Tawaran Kecil / Jawatankuasa Sebut Harga bertanggungjawab:
- 6.3.1 Untuk merekod semua dokumen tawaran yang diterima dengan mencatat nama-nama syarikat yang ikut serta dan harga yang ditawarkan.
  - 6.3.2 Memastikan *Form of Tender* disertakan dan diisi.
  - 6.3.3 Memastikan harga tawaran dalam *Form of Tender* dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka.
  - 6.3.4 Memastikan salinan resit pembayaran yuran tawaran disertakan.

- 6.3.5 Memastikan setiap percanggahan (*discrepancies*) di dalam borang tawaran yang hendaklah dicatat, sebagai contoh jumlah harga tawaran dalam ayat berbeza dengan jumlah harga dalam nombor.
  - 6.3.6 Memastikan jika ada tawaran yang lewat diterima, dicop lewat dan dicatat nama syarikat.
  - 6.3.7 Jika perkara-perkara 6.3.1 hingga 6.3.6 tidak teratur maka tanggungjawab Urusetia untuk mencatit sebagai nota didalam surat penerimaan tawaran (*forwarding letter*).
- 6.4 Lembaga Tawaran Negara / Lembaga Tawaran Kecil hendaklah menghadapkan dokumen tawaran yang diterima dengan menyertakan surat penerimaan tawaran (*forwarding letter*) seperti di **LAMPIRAN 4** kepada Jabatan-Jabatan pengguna dengan segera supaya membolehkan pihak Jabatan pengguna untuk membuat penilaian ke atas tawaran berkenaan.
- 6.5 Lembaga Tawaran Negara / Lembaga Tawaran Kecil / Jawatankuasa Sebut Harga dalam menerima dan membuka tawaran hendaklah memastikan kesemua penender adalah diberikan layanan yang sama dan adil.
- 6.6 Urusetia dan ahli-ahli Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Kecil, Ketua-Ketua Jabatan dan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen tawaran disimpan ditempat yang selamat dan terkawal bagi menjaga kerahsiaan nama-nama penender yang menghadapkan tawaran dan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam dokumen-dokumen tawaran berkenaan.

## 7 TATACARA PENILAIAN TAWARAN

- 7.1 Semasa membuat penilaian tawaran, Kementerian/Jabatan hendaklah antaralainnya meneliti dengan terperinci perkara-perkara berikut:
- 7.1.1 Pematuhan kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam spesifikasi, skop dan syarat-syarat tawaran.
  - 7.1.2 Harga tawaran.
  - 7.1.3 Borang Tawaran (*Tender form*)

Jika penender gagal menyertakan atau/dan tidak mengisi Borang Tawaran, tawarannya adalah dianggap tidak sah (*void*) dan penender ini tidak boleh dinilai memandangkan penender berkenaan tidak memenuhi syarat tawaran iaitu mengisi borang tawaran.

7.1.4 Harga Tawaran yang sah (jika terdapat perbezaan harga dalam *Tender form* dan *Bill of Quantities*)

Jika terdapat perbezaan jumlah harga tawaran diantara jumlah harga yang ditulis di dalam '*tender form*' dengan '*Bill of Quantities*', harga yang akan digunakan adalah harga mana yang lebih rendah tertakluk kepada persetujuan penender.

7.1.5 Perlaksanaan *Rationalization of Price*

7.1.5.1 *Rationalization of price* boleh dilaksanakan oleh Jabatan/Kementerian jika didapati harga-harga yang ditawarkan oleh penender tidak seimbang/berpatutan apabila dibandingkan dengan anggaran Jabatan **tanpa mengubah harga keseluruhan tawaran**. Tetapi *rationalization of price* hendaklah dilaksanakan kepada kesemua penender-penender yang ikut serta.

7.1.5.2 Jika penender hendak membuat pembetulan harga, hendaklah dibuat dengan cara memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul diatasnya dan seterusnya menandatangani setiap pembetulan. Pegawai Jabatan yang berkenaan hendaklah membuat pengesahan mengenainya.

7.1.6 Pembetulan harga

7.1.6.1 Pembetulan harga samaada dengan cara memotong atau menggunakan '*blanco*' di dalam dokumen tawaran boleh dipertimbangkan jika jumlah harga tawaran yang dibetulkan itu ditandatangani oleh penender sebelum penghantaran tawaran berkenaan dan Lembaga Tawaran atau Jawatankuasa Sebut Harga berpuas hati bahawa perubahan tersebut dibuat sebelum pembukaan tawaran berkenaan oleh Lembaga Tawaran atau Jawatankuasa Sebut Harga yang mana perkara ini perlu dinyatakan di dalam Surat Penerimaan Tawaran.

7.1.6.2 Pembetulan harga tawaran berikut adalah tidak dibenarkan dan tidak layak dipertimbangkan:

- i. Pembetulan harga tawaran ditandatangani oleh penender selepas penerimaan dokumen tawaran atau sebut harga; dan
- ii. Pembetulan harga tawaran tidak ditandatangani oleh penender.

7.1.7 Trek rekod serta prestasi penender-penender yang ikut serta.

7.1.8 Kualiti barang atau perkhidmatan yang ditawarkan.

- 7.1.9 Tempoh penyiapan kerja/pembekalan.
- 7.1.10 Kewangan syarikat.
- 7.1.11 Pengurusan, tenaga kerja, peralatan serta mesin-mesin yang akan digunakan.
- 7.1.12 Bagi syarat pematuhan Akta Cukai Pendapatan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1.3.7 di atas, jika penender telah menghadapkan *Estimated Chargeable Income* kepada Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi, maka perkara ini bolehlah dipertimbangkan. Jabatan juga boleh membuat persyaratan berikut di dalam kebenarannya jika syarikat yang bersesuaian untuk diberikan tawaran belum mematuhi Akta Cukai Pendapatan:
- 'Kebenaran ini adalah dengan syarat syarikat Tuan/Puan telah mematuhi Akta Cukai Pendapatan atau menghadapkan *Estimated Chargeable Income* kepada Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi'.**
- 7.1.13 Bagi peratus pekerja tempatan pula, Ketua Jabatan dan Lembaga Tawaran Kecil bolehlah menjadikannya sebagai salah satu kriteria di dalam matriks pemarkahan penilaian tawaran, pada mana peratus pekerja tempatan yang digunakan adalah secara *case to case* dan Ketua Jabatan dan Lembaga Tawaran Kecil bolehlah menggunakan penanda aras peratus (*benchmark*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Tawaran Negara dari masa kesemasa. Pada peringkat awal ini penanda aras peratus adalah seperti di **LAMPIRAN 5**. Lembaga Tawaran Kecil hendaklah menghadapkan maklumat-maklumat pekerja tempatan dan asing bagi tawaran-tawaran yang dibenarkan oleh Menteri masing-masing ke Lembaga Tawaran Negara semasa menghadapkan Minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil.

## 8 TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN

- 8.1 Sokongan Ketua Jabatan hendaklah di hadapkan kepada Lembaga Tawaran Kecil untuk penelitian dan sokongan seterusnya.
- 8.2 Jabatan/Kementerian hendaklah mengesahkan bahawa harga tawaran yang disokong adalah berpatutan.
- 8.3 Anggaran Jabatan memainkan peranan yang penting dalam mengesahkan samada harga yang ditawarkan oleh penender adalah berpatutan atau tidak. Asas/sukatan dalam menimbangkan harga tawaran yang disokong itu adalah berpatutan ialah ± 30% daripada anggaran Jabatan tertakluk kepada jenis tawaran yang bersesuaian.

- 8.4 Jabatan/Kementerian juga perlu mengesahkan ketersediaan peruntukan sebelum sokongan dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Kecil atau Lembaga Tawaran Negara:
- 8.4.1 Jika menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Kementerian/Jabatan perlu mendapatkan pengesahan terkini daripada pihak Bahagian Rancangan Kemajuan Negara di Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan menyertakannya sebelum menghadapkan sokongan tawaran untuk dipertimbangkan. Perlu juga dipastikan bahawa Peruntukan dan Harga Rancangan adalah mencukupi serta Tahun Kewangan adalah betul.
- 8.4.2 Jika menggunakan peruntukan Jabatan, Jabatan mestilah memastikan tajuk peruntukan yang digunakan adalah bersesuaian dan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan perolehan berkenaan. Pengesahan terkini peruntukan hendaklah disediakan menggunakan *checklist* di **LAMPIRAN 6**.
- 8.5 Lembaga Tawaran Kecil seterusnya akan menghadapkan sokongan tawaran mengikut nilai had (*threshold*) diperenggan 2.4 dan 2.5 di atas.

## **9. PEMBATALAN DAN MENAWARKAN SEMULA TAWARAN**

- 9.1 Bagi sokongan pembatalan tawaran, dan ditawarkan semula, Jabatan hendaklah menghadapkan perkara-perkara berikut kepada Lembaga Tawaran Kecil:-
- 9.1.1 Sebab-sebab tawaran dibatalkan, dan ditawarkan semula dengan terperinci.
- 9.1.2 Salinan surat penerimaan tawaran daripada Pengerusi Lembaga Tawaran, jika berkenaan.
- 9.1.3 Sokongan samada yuran tawaran akan dikembalikan atau tidak dikembalikan kepada penender-penender yang telah ikut serta dan alasan sokongan berkenaan.
- 9.1.4 Akaun peruntukan yang digunakan.

## **10. PENEGAHAN SYARIKAT-SYARIKAT DARI IKUT SERTA TAWARAN DAN SEBUT HARGA KERAJAAN**

- 10.1 Dasar Penegahan adalah satu cara pengawalan tawaran-tawaran dan sebut harga supaya dilaksanakan dengan teratur dan sempurna serta mengelakkan *bid rigging*.
- 10.2 Sebab-sebab penegahan adalah seperti berikut:

- 10.2.1 Penender menarik diri selepas tarikh tutup tawaran atau sebut harga.
- 10.2.2 Penender enggan memenuhi tawaran selepas diberikan kebenaran samaada melalui kontrak atau pesanan-pesanan rasmi seperti Inden, work order dan lain-lain.
- 10.2.3 Penender menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak selepas tawaran diterima atau selepas tawaran/kontrak dimulakan.
- 10.2.4 Penender gagal untuk menjawab surat penerimaan tawaran dalam tempoh yang diberikan.
- 10.2.5 Penender enggan menandatangani kontrak selepas pemberian tawaran.
- 10.2.6 Penender gagal mematuhi segala syarat-syarat di bawah perjanjian kontrak atau pesanan rasmi atau tidak dapat melaksanakan/menyiapkan projek.
- 10.2.7 Penender didapati memberikan maklumat palsu.

**10.3 Tempoh penegahan adalah seperti berikut:**

No.	Nilai	Tempoh
1	Sehingga \$25,000.00	1 bulan
2	\$25,000.01 sehingga \$150,000.00	2 bulan
3	\$150,000.01 sehingga \$250,000.00	3 bulan
4	\$250,000.01 sehingga \$500,000.00	4 bulan
5	\$500,000.01 sehingga \$750,000.00	5 bulan
6	\$750,000.01 sehingga \$1,000,000.00	6 bulan
7	\$1,000,000.01 sehingga \$1,500,000.00	7 bulan
8	\$1,500,000.01 sehingga \$2,000,000.00	8 bulan
9	\$2,000,000.01 sehingga \$2,500,000.00	9 bulan
10	\$2,500,000.01 sehingga \$3,500,000.00	10 bulan
11	\$3,500,000.01 sehingga \$5,000,000.00	11 bulan
12	\$5,000,000.01 keatas	12 bulan

- 10.4 Walaubagaimanapun jika didapati berlaku penipuan kepada Kerajaan, Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil berhak mengenakan penegahan maksima seumur hidup.
- 10.5 Sekiranya penender yang telah diberikan tawaran enggan memenuhi tawaran itu, atau meminta beberapa pindaan kepada tawaran itu, maka Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah memaklumkan sesegeranya kepada Lembaga Tawaran Kecil pada mana Lembaga Tawaran Kecil akan membincangkannya sebagai salah satu agenda permesyuaratan. Sokongan Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dihadapkan kepada

Menteri di Kementerian masing-masing atau kepada Lembaga Tawaran Negara mengikut *threshold* tawaran.

- 10.6 Selain dari penegahan dari menyertai tawaran Kerajaan, penender juga akan dikenakan denda pada kadar maksima 10% dari nilai baki barang atau perkhidmatan yang belum dibekalkan atau dilaksanakan.
- 10.7 Tarikh permulaan tempoh penegahan ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil mengikut *threshold* tawaran.
- 10.8 Penender hendaklah dimaklumkan mengenai penegahan yang dikenakan kepada penender berkenaan, dan penegahan ini hendaklah dimaklumkan kepada semua Ketua-Ketua Jabatan dan Kementerian dengan memberikan salinan kepada Lembaga Tawaran Negara, jika penegahan dibuat oleh Lembaga Tawaran Kecil.

## 11. WANG JAMINAN PRESTASI (*PERFORMANCE BOND*)

- 11.1 Wang Jaminan Prestasi (*performance bond*) merupakan wang deposit yang dibayar oleh penender yang berjaya bagi memastikan memastikan tawaran dilaksanakan dengan sempurna mengikut keperluan yang telah dipersetujui di dalam borang tawaran dan kontrak.
- 11.2 Penender perlu membayar Wang Jaminan Prestasi terlebih dahulu sebelum memulakan kontrak dan akan dikembalikan semula kepada penender apabila kerja-kerja/pembekalan/perkhidmatan telah selesai dilaksanakan sepenuhnya dengan sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat di dalam kontrak yang telah ditandatangani.
- 11.3 Kadar Wang Jaminan Prestasi adalah seperti berikut:

TAWARAN-TAWARAN PERKHIDMATAN BERPENGGAL ( <i>TERM CONTRACT</i> ), BINAAN DAN PEMBANGUNAN	
Jumlah Harga	Kadar Wang Jaminan Prestasi
B\$1,000,000.00 dan kebawah	Dikecualikan
Melebihi B\$1,000,000.00 hingga B\$5,000,000.00	Tidak melebihi 3%
Melebihi B\$5,000,000.00	Tidak melebihi 5%

TAWARAN-TAWARAN PEMBEKALAN BARANGAN	
Jumlah Harga	Kadar Wang Jaminan Prestasi
B\$1,000,000.00 dan kebawah	Dikecualikan
Melebihi B\$1,000,000.00 hingga B\$3,000,000.00	Tidak melebihi 2%
Melebihi B\$3,000,000.00	Tidak melebihi 3%

- 11.4 Wang jaminan prestasi adalah tidak diwajibkan bagi konsultan-konsultan. Walaubagaimanapun, Kementerian dan Jabatan yang berkenaan hendaklah memastikan terdapat mekanisma pemantauan dan pengawalan prestasi konsultan di sepanjang tempoh kontrak perjanjian. Namun, jika ada keperluan, wang jaminan prestasi masih boleh dikenakan kepada kontrak-kontrak konsultan yang tertentu secara *case by case*.

## 12. PESANAN PERUBAHAN (VARIATION ORDER)

### 12.1 Pesanan Perubahan Buangan (*Omission*)

- 12.1.1 Jika harga perubahan terkumpul (*cumulative*) adalah negatif iaitu pengurangan kepada harga perolehan asal, maka kuasa kebenaran adalah Ketua Jabatan dan maklumat pengurangan harga hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Lembaga Tawaran Kecil bagi perolehan asal yang bernilai di atas \$50,000.00 hingga \$250,000.00, dan kepada Lembaga Tawaran Negara bagi perolehan asal yang bernilai di atas \$250,000.00.
- 12.1.2 Jumlah dan jenis buangan tidak dihadkan asal tidak menjelaskan *outcome* daripada perolehan berkenaan antaralainnya seperti buangan kerana *Remeasurement, final account measurement, prime cost sum* (kos yang diperuntukkan di dalam kontrak untuk *specialized work* seperti kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal), *provisional sums* (jumlah yang diperuntukkan di dalam kontrak bagi kerja-kerja yang ditentukan dan *provisional quantity* (anggaran kuantiti bagi kerja-kerja yang tidak dapat ditentukan dengan tepat dan tertakluk kepada *remeasurement* apabila ianya sudah siap).

### 12.2 Pesanan Perubahan Tambahan (*Addition*)

- 12.2.1 Harga terkumpul pesanan perubahan hendaklah tidak boleh melebihi **10% daripada harga perolehan asal** yang telah dibenarkan dan dengan syarat peruntukan adalah mencukupi.
- 12.2.2 Pesanan Perubahan yang boleh dipertimbangkan adalah jika pesanan perubahan berkenaan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
- 12.2.2.1 Perubahan spesifikasi, model, jenis dan rekabentuk setelah mengambilkira *value for money* dan *value engineering* yang disebabkan oleh perubahan teknikal, inovasi teknologi dan perubahan metodologi pembinaan;
- 12.2.2.2 Kerja tambahan yang tidak dapat dipisahkan daripada kerja asal dan jika ianya dilaksanakan secara berasingan ianya akan mempunyai impak kepada penyiapan projek;

- 12.2.2.3 Perubahan atau tambahan disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangkakan (*unforeseen circumstances*) yang diperlukan untuk penyiapan projek atau kerja/pembekalan/perkhidmatan dan hendaklah dipohonkan dan disiapkan sebelum Tarikh Siap Kontrak;
- 12.2.2.4 Perkara-perkara yang melibatkan perubahan undang-undang atau peraturan Kerajaan;
- 12.2.2.5 Perubahan yang diperlukan disebabkan oleh keperluan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (*Health, Safety & Environment*).
- 12.2.3 Lembaga Tawaran Kecil dan Lembaga Tawaran Negara boleh menimbangkan pesanan perubahan yang harga terkumpulnya melebihi dari 10% sehingga 50% secara *case by case* dalam keadaan yang tertentu sahaja yang difikirkan bersesuaian antaralainnya adalah seperti keperluan segera, perkara-perkara yang melibatkan perubahan undang-undang atau peraturan Kerajaan, atau perubahan yang diperlukan disebabkan oleh keperluan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (*Health, Safety & Environment*).
- 12.2.4 Jabatan dan Kementerian hendaklah memastikan ketersediaan peruntukan sebelum Pesanan Perubahan disokong.

12.2.5 Kuasa kebenaran Pesanan Perubahan:

12.2.5.1 Pesanan Perubahan kepada perolehan asal yang bernilai \$50,000.00 dan ke bawah:

- i. Jika harga asal perolehan dicampur dengan jumlah nilai Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul masih mengekalkan nilai perolehan tidak melebihi \$50,000.00, maka kuasa kebenaran adalah Pegawai Pengawal setelah mendapat sokongan Jawatankuasa Sebut Harga.

Sebagai contoh:

Harga asal perolehan	\$40,000.00
Jumlah Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul	\$4,000.00
Menjadikan nilai perolehan kepada	\$44,000.00

- ii. Jika harga asal perolehan dicampur dengan jumlah nilai Pesanan Perubahan tambahan secara terkumpul, menjadikan nilai perolehan melebihi \$50,000.00, maka kuasa kebenaran pesanan perubahan adalah Menteri di Kementerian yang berkenaan melalui sokongan Lembaga Tawaran Kecil.

Sebagai contoh:

Harga asal perolehan	\$48,000.00
Jumlah Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul	\$4,800.00
Menjadikan nilai perolehan kepada	\$52,800.00

12.2.5.2 Pesanan Perubahan kepada perolehan asal yang bernilai di atas \$50,000.00 sehingga \$250,000.00:

- i. Jika harga asal perolehan dicampur dengan jumlah nilai Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul masih mengekalkan nilai perolehan tidak melebihi \$250,000.00, maka kuasa kebenaran adalah Menteri di Kementerian yang berkenaan setelah mendapat sokongan Lembaga Tawaran Kecil.

Sebagai contoh:

Harga asal perolehan	\$200,000.00
Jumlah Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul	\$20,000.00
Menjadikan nilai perolehan kepada	\$220,00.00

- ii. Jika harga asal perolehan dicampur dengan jumlah nilai Pesanan Perubahan tambahan secara terkumpul, menjadikan nilai perolehan melebihi \$250,000.00, maka sokongan Lembaga Tawaran Kecil mengenai pesanan perubahan tambahan berkenaan hendaklah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Negara untuk proses ketetapan seterusnya.

Sebagai contoh:

Harga asal perolehan	\$240,000.00
Jumlah Pesanan Perubahan Tambahan secara terkumpul	\$24,000.00
Menjadikan nilai perolehan kepada	\$264,000.00

12.2.5.3 Pesanan Perubahan kepada perolehan asal yang bernilai di atas \$250,000.00 hendaklah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Negara melalui sokongan Lembaga Tawaran Kecil.

### 12.3 Perubahan Pesanan Tambahan Disebabkan Oleh Keperluan Kecemasan

12.3.1 Jika ada keperluan kecemasan, pesanan perubahan boleh dilaksanakan dengan kebenaran Pegawai Pengawal, dan kebenaran secara kebelakangan hendaklah di dapatkan mengikut Garispanduan 12.2.5 di atas.

12.3.2 Contoh-contoh keperluan kecemasan adalah termasuk situasi yang boleh mengakibatkan keselamatan dan kesejahteraan orang awam.

# **LAMPIRAN 1**

Telephone : +673-2383933  
Fax : +673-2383932  
Email : [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn)  
Website : [www.mofe.gov.bn](http://www.mofe.gov.bn)  
[www.stars.gov.bn](http://www.stars.gov.bn)



REVENUE DIVISION  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
Level 1, Island Block  
Ministry of Finance and Economy Building  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam

**Our Reference :** RD/ECU/MOF/STB/COTC -  
**Rujukan Kami :**

### CERTIFICATE OF TAX COMPLIANCE

To whom it may concern,

The Undersigned : **REVENUE DIVISION  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM**

certifies that :

(Name of Company).....

(Company Registration Number - RC/RFC).....

(Registered Address of Company in Brunei).....

.....  
is registered for tax purposes and has submitted Income Tax Returns / accounts for the Years of Assessment (YOA): (*newly incorporated companies of not more than 3 years are only required to indicate the YOA of eligible submission*)

- 2019
- 2020
- 2021
- Not yet eligible

This Certificate remains valid for 90 days from the issuance date, otherwise before the deadline of filing of Income Tax Returns for the Year of Assessment 2022 (30 June 2022).

---

**For Official use :**

Approve

Yours faithfully,

Reject

for Collector of Income Tax  
BRUNEI DARUSSALAM

Date: .....

## **LAMPIRAN 2**



**PENGAKUAN INTEGRITI PENENDER**  
**TENDERER'S INTEGRITY DECLARATION**

Rujukan Tawaran <i>Tender Reference</i>	
Tajuk <i>Title</i>	
Kementerian / Jabatan <i>Ministry / Department</i>	

Saya/Kami,(Isikan nama setiap pemilik syarikat/pemegang saham di bawah)  
*I/We (Fill in all the proprietor/shareholders' name below)*

<b>Bil. No.</b>	<b>Nama Name</b>	<b>No. Kad Pengenalan Brunei &amp; Warna/ No. Paspot Antarabangsa Brunei Identity Card No. &amp; Colour/International Passport No.</b>	<b>Tandatangan Signature</b>

Beralamat/*Address:*

---

---

---

---

dengan ini membuat PENGAKUAN seperti berikut / *make the following DECLARATION:*

1. Saya/Kami yang bernama di atas,  
*I/We as the name stated above,*  
ialah pemilik berdaftar sebuah Firma yang bernama  
*a registered proprietor of*

---

, (isikan nama Firma/ *fill in the firm's name*)  
dengan alamat perniagaan di,

*with its place of business at* \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(atau / or) \_\_\_\_\_

*ii adalah pemegang saham dalam sebuah Syarikat yang bernama  
a shareholder in a Company,*

\_\_\_\_\_, dengan alamat berdaftar di / *having its registered  
address at* \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

yang telah menghadapkan Tawaran untuk projek yang disebutkan di atas;  
*which has submitted a Tender Proposal in the above mentioned project;*

2. *iii Saya/Kami telah menghantar Penyata Tahunan kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat pada \_\_\_\_\_ (sila nyatakan tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan berkenaan). I/We have submitted Annual Returns to Registrar of Companies on \_\_\_\_\_ (please state the date of latest Annual Returns submitted to Registrar of Companies).*
3. *iv Saya/Kami tidak memiliki Firma (Firma-Firma) / Syarikat (Syarikat-Syarikat lain; (sila lihat nota 3 dan 4 dibawah dan potong jika tidak berkenaan). I/We do not own any other firm(s)/ Company(ies); (see notes 3 and 4 below and delete where appropriate).*
4. *v Saya/Kami adalah juga pemilik / pemegang saham dalam senarai Firma (Firma-Firma) / Syarikat (Syarikat-Syarikat) yang dinyatakan dalam Lampiran I.*

*I/We also the proprietor / shareholder in the list of firm(s)/ Company(ies)  
described at Annex 1.*

DAN saya/kami selanjutnya membuat PENGAKUAN bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami, Firma (Firma-Firma) / Syarikat (Syarikat-Syarikat) saya/kami yang dinyatakan dalam Lampiran 1 ini, tidak mengemukakan Tawaran untuk projek yang disebutkan diatas.  
*AND I/We further DECLARE that to the best of my/our knowledge, none of my/our other firm(s)/Company(ies) set out in Annex 1, have submitted a Tender Proposal for this project.*

5. Saya/Kami selaku pemilik berdaftar/pengurus/pengarah firma/syarikat dengan alamat perniagaan di \_\_\_\_\_  
telah menghadapkan Tawaran untuk projek yang disebutkan di atas, dengan ini membuat pengakuan seperti berikut:

*I/We as the registered owner(s)/manager/director of the firm/company  
with address of business at \_\_\_\_\_ have submitted a  
Tender Proposal for the above mentioned project, hereby make the following declaration:*

- a. bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami, isteri/suami saya/kami atau Firma (Firma-Firma) Syarikat (Syarikat-Syarikat) kepunyaan isteri/suami saya/kami, tidak menghadapkan Tawaran untuk projek yang disebutkan diatas;  
*that to the best of my/our knowledge, neither my/our spouse or his/her firm(s)/ Company(ies) have submitted a Tender Proposal for the above mentioned project;*

- b. bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili firma/syarikat saya/kami memahami bahawa berpakt sulit dengan firma (firma-firma)/syarikat (syarikat-syarikat) lain atau dengan sesiapa dalam menghadapkan tawaran untuk projek yang disebutkan di atas adalah suatu kesalahan di bawah Perintah Persaingan 2015.  
*that I/We or any person representing my/our firm/company understand that colluding with other firm (s)/company (ies) or any other person or entity in submitting the Tender Proposal for the above mentioned project is an offence under the Competition Order 2015.*
- c. bahawa saya/kami tidak berpakt sulit dengan firma (firma-firma)/syarikat (syarikat-syarikat) atau dengan sesiapa dalam menghadapkan tawaran untuk projek yang disebutkan di atas, dan penyertaan/penglibatan firma/syarikat saya/kami dalam Tawaran untuk projek yang disebutkan di atas adalah secara adil dan telus.  
*that I/We have not colluded with any other firm (s)/company (ies) or any other person or entity in submitting the Tender Proposal for the above mentioned project, and my/our firm/company's participation/involvement in the Tender Proposal for the above mentioned project is fair and transparent.*
- d. bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili firma/syarikat saya/kami akan mematuhi Perintah Persaingan 2015.  
*that I/We or any person representing my/our firm/company will comply with the Competition Order 2015.*
- e. bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili firma/syarikat saya/kami memahami bahawa agensi perolehan boleh melaporkan amalan berpakt sulit yang disyaki kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dan memberikan kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam mana-mana maklumat yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai tawaran untuk projek yang disebutkan di atas dan maklumat peribadi.  
*that I/We or any person representing my/our firm/company understand that procurement agency may report suspected collusion conduct to the Competition Commission Brunei Darussalam and provide the Competition Commission Brunei Darussalam with any relevant information, including but not limited to information on our Tender Proposal for the above mentioned project or personal information.*
- f. bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili firma/syarikat saya/kami memahami bahawa sebarang pelanggaran ke alas Perintah Persaingan 2015 boleh dikenakan penalti kewangan tidak melebihi 10 peratus dari perolehan pembiagaan perusahaan di Negara Brunei Darussalam untuk tempoh maksimum 3 tahun menurut bab 42(4) di dalam Perintah berkenaan.  
*that I/We or any person representing my/our firm/company understand that any infringement to the Competition Order 2015 may be imposed with financial penalty of up to 10 percent of business turnover for maximum of 3 years in pursuant to section 42(4) of the Order.*

6. <sup>vi</sup>Saya/Kami seterusnya membuat PENGAKUAN bahawa pemilik-pemilik, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-Pengarah Syarikat yang turut serta dalam tawaran ini bukan dari kalangan pegawai awam yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.  
*I/We also DECLARE that neither I nor the other owners of, or the Chief Executive Officer and Directors, as the case may be, of the entity participating in this tender, is/are public officer of the Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam.*

(Atau / Or)

Saya/Kami sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan suacita **disertakan surat kebenaran untuk bermiaga daripada Jabatan Perdana Menteri.**

*I/We DECLARE that I am/We are public officers and enclose herewith the letter of approval to engage in business issued by the Prime Minister's Office.*

7. Saya/Kami membuat PENGAKUAN bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili Firma/Syarikat saya/kami akan mematuhi segala peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan tidak akan melakukan mana-mana kesalahan yang berkaitan dengan perolehan kerajaan seperti yang disertakan di Lampiran 1. Saya/kami akan memastikan bahawa penyertaan/penglibatan syarikat saya/kami dalam sebutharga/tawaran bagi projek yang disebutkan di atas atau sebarang sebutharga/tawaran dengan kerajaan adalah secara adil, bersih dan telus.

*I/We DECLARE that I/We or any person representing my/our firm/Company will obey all regulations and laws in Brunei Darussalam and will not commit any offence related to government procurement, as reproduced in Annex 1. I/we will ensure that my/our company's participation/involvement in the tender/quotation for the above mentioned project or any other tender/quotation with the government is fair, clean and transparent.*

8. Saya/Kami seterusnya membuat PENGAKUAN bahawa saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili Firma/Syarikat saya/kami tidak akan menawarkan atau memberi atau bersetuju untuk memberi kepada sesiapa sebarang hadiah, suapan atau balasan dalam bentuk apa pun sebagai dorongan atau ganjaran bagi melakukan atau tidak melakukan atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua perbuatan yang berkaitan dengan mendapatkan atau melaksanakan sebutharga/tawaran bagi projek yang disebutkan di atas atau sebarang sebutharga/tawaran dengan Kerajaan. Saya/Kami menyedari sepenuhnya bahawa jika saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili Firma/Syarikat saya/kami melanggar pengakuan ini, saya/kami atau mana-mana individu yang mewakili Firma/Syarikat saya/kami telah melakukan atau bersubahat, mencuba, berkomplot untuk melakukan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131), atau Bab 161 hingga 165 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) dibaca bersama Bab 109 atau Bab 120B atau Bab 511 dari Kanun yang sama seperti disertakan di Lampiran 1.

*I/We also DECLARE that I/We or any person representing my/our firm/Company will not offer or give or agree to give to any person any gift, gratification or consideration of any kind as an inducement or reward for doing or forbearing to do or for having done or forborne to do any action in relation to the obtaining or execution of the tender/quotation for the above mentioned project or any other tender/quotation with the government. I/We am/are fully aware that if I/We or any person representing my/our firm/Company breached this declaration, I/We or any person representing my/our firm/Company shall have committed or abetted, attempted, conspired to commit an offence under the Prevention of Corruption Act (Cap. 131) or Section 161 to 165 of the Penal Code (Cap. 22) read with Section 109 or Section 120B or Section 511 of the same as reproduced in Annex 1.*

